UTUSAN MALAYSIA 23/10/2014

Kaedah memulihkan penagihan opiat di Penjara Marang

# UniSZA buka bilik rawatan khas

Oleh ROSALINDA MD.SAID
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 22 OKT.

UNIVERSITI Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini mengorak langkah dalam kajian mengenai 'Pendekatan Komprehensif Rawatan Penagihan Opiat' apabila berjaya membuka sebuah bilik khas bagi rawatan komprehensif penagihan dadah jenis itu di Penjara Marang.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UniSZA, Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman berkata, perkembangan terbaharu hasil jalinan kerjasama antara universiti itu dan Jabatan Penjara turut membolehkan penyelidik mendapat sebuah pondok gazebo bagi memudahkan mereka mendekati banduan daripada aspek kerohanian dan spiritual.

Beliau yang juga merupakan peneraju kumpulan penyelidik bagi Skim Geran Penyelidik Nic Kementerian Pendidikan (NRGS-KPM) itu berkata, majlis pemeteraian memorandum perjanjian (MoA) berhubung perkara tersebut akan dilaksanakan pada 2 November depan sempena program 'Mesej dari Penjara' yang berlangsung di Penjara Marang.



> Di pondok gazebo ini, para banduan akan diterapkan dengan terapi Islam seperti zikir dan perbincangan dengan para penyelidik."
>
> **PROF. DR. MOHD. EKHWAN TORIMAN**
> **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UniSZA.**

"UniSZA bukan sahaja menerima bilik khas, tetapi turut mendapat sebuah pondok gazebo.

"Di pondok gazebo ini, para banduan akan diterapkan dengan terapi Islam seperti zikir dan perbincangan dengan para penyelidik," katanya.

Mohd. Ekhwan memberitahu, penyelidikan di Penjara Marang itu tidak terhad kepada penghuni penjara, bahkan turut melibatkan ahli keluarga mereka.

"Setakat ini, kira-kira 20 penyelidik yang terlibat dalam kajian ini termasuk ketua dan para penyelidik bersama manakala, 12 penuntut dilantik sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) bagi menjalankan kajian penyelidikan di bawah skim geran penyelidikan ini," katanya.

Menurutnya, kajian itu dijalankan bertujuan untuk menghasilkan tiga modul iaitu modul i-TGM bagi meningkatkan pengekalan terapi gantian metadon ke atas penagihan opiat; pembentukan komuniti kasih (i-Kasih) kepada keluarga penagih serta pembinaan model dan indeks kualiti hidup Islam (i-QoL) bagi mengukur tahap kualiti hidup penagih dan keluarga sebelum dan selepas menerima rawatan.